



Rapid Bus Sdn Bhd 201201040722 (1025200-A)

RAPID KL OFFICE

Kompleks Rapid Bus Cheras Selatan, Lot 1499, Jalan KB 2/15 Balakong, 43300 Seri Kembangan, Selangor

Tel : +603 - 8946 2000 Fax : +603 - 8964 4889 Website : www.myrapid.com.my

**rapidKL rapidPenang rapidKuantan**



## SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

# RAPID BUS SEDIA 42 BAS PERANTARA PERCUMA SEMPENA PERAYAAN THAIPUSAM 2025

- Tiga (3) laluan di Kuala Lumpur dan satu (1) di Pulau Pinang

**KUALA LUMPUR, 6 Februari 2025** – Bersempena sambutan perayaan Thaipusam pada 11 Februari 2025, Rapid Bus Sdn Bhd akan menyediakan perkhidmatan bas perantara percuma bagi kemudahan orang ramai yang ingin ke Kuil Sri Subramaniar Swamy, Batu Caves di Kuala Lumpur dan ke Kuil Arulmigu Balathandayuthapani, Jalan Kebun Bunga di Pulau Pinang.

Sebanyak 42 buah bas disediakan bagi menyokong operasi 24 jam, merangkumi 30 bas di Kuala Lumpur (Rapid KL) dan 12 bas di Pulau Pinang (Rapid Penang). Inisiatif ini adalah sokongan dan dukungan daripada Rapid Bus bagi memudahkan orang ramai mengunjungi lokasi berkenaan dan menggalakkan pengunjung menggunakan pengangkutan awam bagi mengelakkan kesesakkan di kawasan sekitar.

Pihak operasi akan memantau keperluan penumpang dari semasa ke semasa dan bersedia untuk menambah bilangan bas sekiranya perlu bagi memastikan keselesaan penumpang terjamin.

Butiran perkhidmatan bas perantara percuma adalah seperti berikut:

KUALA LUMPUR		
Laluan	Waktu Operasi	Kekerapan
BC02 Hab Bandar Pasar Seni – Batu Caves	<b>10 Februari 2025</b> 6.00 pagi – 12.00 tengah malam (11 Februari)	10 minit
BC03		

**prasarana Group** | **rapidrail** | **rapidbus** | **pride** | **prime** | **prosper**



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO.: QMS  
05 100 22020 05 100 22022  
05 100 22021 05 100 22023



CERTIFIED TO ISO 14001:2015  
CERT. NO.: EMS  
14 104 22004 14 104 22006  
14 104 22005 14 104 22007



CERTIFIED TO ISO 45001:2018  
CERT. NO.: OHSMS  
44 126 22 92 0025 44 127 22 92 0027  
44 126 22 92 0026 44 126 22 92 0028



CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013  
CERT. NO.: ISMS 00341  
44 126 22 92 0025 44 127 22 92 0027  
44 126 22 92 0026 44 126 22 92 0028



CERTIFIED TO ISO 37001:2016  
CERT. NO.: ABMS 00129  
44 126 22 92 0025 44 127 22 92 0027  
44 126 22 92 0026 44 126 22 92 0028



FIRST ORGANIZATION TO  
RECEIVE FIVE ISO  
CERTIFICATION  
THROUGH INTEGRATED  
MANAGEMENT SYSTEM  
IN A SINGLE AUDIT

Stesen LRT Gombak – Batu Caves	11 Februari 2025	
BC04 Stesen MRT Kg Batu – Batu Caves	12.00 tengah malam – 12.00 tengah malam(12 Februari)	
<b>PULAU PINANG</b>		
Laluan	Waktu Operasi	Kekerapan
ST01 Terminal Weld Quay (Jetty) – Hospital Adventist Pulau Pinang	<p style="text-align: center;"><b>Terminal Weld Quay</b></p> <p>Trip Pertama : 7.00 pagi (10 Februari)            Trip Akhir : 1.00 pagi (12 Februari)</p> <p style="text-align: center;"><b>Hospital Adventist Pulau Pinang</b></p> <p>Trip Pertama : 7.30 pagi (10 Februari)            Trip Akhir : 2.00 pagi (12 Februari)</p>	20/30/60 minit *bergantung kepada waktu ketibaan perkhidmatan feri

Rapid Bus menyeru pengguna jalan raya agar tidak memakir kenderaan dan menghalang laluan bas serta mematuhi peraturan yang telah ditetapkan. Untuk itu, Rapid Bus akan bekerjasama dengan agensi penguatkuasa dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi memastikan kelancaran operasi perkhidmatan bas perantara percuma di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang.

Rapid Bus ingin mengucapkan Selamat Menyambut Thaipusam buat semua rakyat Malaysia yang menyambut perayaan ini. Sebarang maklumat lanjut berkenaan perkhidmatan ini, layari laman media sosial:

- Rapid KL: @myrapid (Facebook) dan @myrapidkl (Instagram)
- Rapid Penang: @rapidpgfans (Facebook) dan @myrapidpg (Instagram)

### [TAMAT]

Dikeluarkan oleh Rapid Bus Sdn Bhd.